

dōTERRA® eBUKU



Faedah Emosi Melalui Aromaterapi

.....

BAB 1

Emosi dan kualiti hidup

BAB 2

Penggunaan minyak esensial untuk faedah emosi

BAB 3

Sains aromaterapi dan faedah emosinya

BAB 4

Bagaimanakah saya menggunakan minyak esensial untuk mengawal emosi saya?

.....

1

BAB


Emosi dan kualiti hidup

Tidak kira umur, gaya hidup, atau lokasi geografi kita, semua manusia mempunyai satu persamaan, iaitu kita semua mengalami pelbagai emosi setiap hari. Emosi adalah perkara yang tidak dapat dielakkan sebagai seorang manusia, dan dapat memberi impak yang serius terhadap kebahagiaan dan kesejahteraan kita. Walaupun emosi agak misteri, emosi boleh disifatkan sebagai tindak balas dalaman kompleks yang berbeza untuk setiap orang.

Oleh sebab kita masing-masing mempunyai personaliti yang unik dan melalui pelbagai pengalaman yang berbeza, maka setiap orang akan mengalami emosi dengan cara yang berbeza. Kita juga mempunyai kaedah yang berbeza untuk menangani dan mengatasi emosi, dan setiap orang memaparkan emosi mereka dengan sedikit perbezaan.

Walaupun emosi kita boleh mempengaruhi kualiti hidup kita dengan beberapa cara, kita tahu bahawa emosi sangat berpengaruh dalam membentuk motivasi diri—yang kemudiannya akan membentuk perangai dan cara pemikiran kita. Tindak balas kita terhadap emosi boleh memberi kesan negatif

atau positif terhadap kualiti hidup kita, bergantung pada bagaimana kita memilih untuk bertindak balas berdasarkan personaliti atau pengalaman kita. Walaupun setiap orang mengalami emosi secara berbeza, emosi yang tidak terkawal boleh memberi kesan serius terhadap kualiti hidup seseorang dengan memberi kesan kepada kesihatan emosi atau fizikal mereka. Sebaliknya, mengalami emosi yang positif dan mencari cara yang sihat untuk menangani emosi negatif boleh meningkatkan kualiti hidup. Sama ada kita memilih untuk mengawal emosi atau membiarkannya tidak terkawal, kita tidak dapat mengelak daripada emosi sepenuhnya.





Pandangan saintifik terhadap emosi

Selama beberapa dekad, para saintis telah mengkaji emosi manusia kerana sifat misterinya dan peranan penting emosi dalam kehidupan seharian kita. Kebanyakan saintis bersetuju bahawa emosi adalah tindak balas yang kompleks dan mempunyai pelbagai faktor yang dicetuskan oleh pelbagai mekanisme dan rangsangan. Hal ini menerangkan mengapa emosi sangat kompleks dan misteri—mereka mempunyai pelbagai faktor, yang bermaksud bahawa mereka bergantung pada pelbagai faktor dan punca. Emosi juga rumit kerana boleh

dicetuskan oleh beberapa cara atau rangsangan.

Secara ringkasnya, emosi adalah tindak balas anda terhadap persekitaran di sekeliling anda. “Persekitaran” ini termasuk lokasi fizikal anda, orang di sekeliling anda, aktiviti yang anda sertai, dan pelbagai faktor lain (baik di dalam mahupun di luar kawalan anda). Otak anda akan memproses faktor-faktor ini dan menentukan bagaimana untuk bertindak secara emosi. Tindak balas ini biasanya akan membawa kepada beberapa jenis tindakan, dan lazimnya berdasarkan pengalaman anda yang terdahulu dan naluri hidup.

Seperti yang dinyatakan, emosi dan tindak balas akan berbeza pada setiap orang kerana personaliti yang unik dan pengalaman hidup. Personaliti dan pengalaman individu akan mempengaruhi bagaimana mereka mengenal pasti rangsangan dan persekitaran mereka. Itulah sebabnya mengapa kita mempunyai tindak balas yang unik dan pelbagai cara untuk menangani emosi—rangsangan yang sama akan dikenal pasti secara berbeza oleh dua orang. Walaupun terdapat pelbagai jenis emosi dan pelbagai kemungkinan untuk bertindak, emosi secara umumnya boleh dikategorikan kepada salah satu daripada dua kategori: positif atau negatif. Seperti yang dinyatakan, emosi positif dapat membantu meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup, manakala emosi negatif dapat membebankan badan secara mental dan fizikal sekiranya mereka tidak ditangani dengan baik.

Definisi saintifik emosi: tindak balas yang kompleks dan pelbagai faktor yang dicetuskan oleh pelbagai mekanisme dan rangsangan.

Pelbagai faktor: bergantung pada beberapa faktor atau punca

Mekanisme: alatan, cara, atau kaedah

Rangsangan: sesuatu yang memberi kesan atau bertindak sebagai insentif, atau mencipta tindak balas

Emosi negatif

Sebarang emosi yang kita rasa sepanjang hari lazimnya boleh dikategorikan sebagai emosi positif atau emosi negatif. Emosi positif akan meningkatkan mood kita dan biasanya mendorong kita untuk bertindak dengan cara yang akan membantu mengekalkan mood positif tersebut. Emosi negatif juga boleh mendorong kita untuk bertindak dengan cara yang akan meningkatkan mood; namun, jika emosi negatif ini dibiarkan tidak terkawal, ia boleh memberi kesan yang serius terhadap kesihatan menyeluruh, terutamanya kesihatan emosi. Seperti yang dibincangkan, emosi negatif boleh memberi kesan terhadap kualiti hidup kita dan juga mengubah bagaimana badan kita merasa dan berfungsi.

Mengawal emosi negatif

Untuk mengelakkan emosi negatif daripada mengurangkan kualiti hidup anda, adalah penting untuk mempunyai mekanisme mengatasi masalah yang sihat. Oleh sebab emosi berbeza bagi setiap orang, maka tidak hairanlah jika cara untuk mengawal emosi juga berbeza bergantung pada personaliti, keutamaan, dan faktor lain. Sebagai contoh, sesetengah orang mendapati bahawa aktiviti fizikal dan senaman merupakan cara yang berkesan untuk menangani emosi negatif, manakala yang lain lebih suka refleksi atau meditasi yang tenang. Sebarang aktiviti (atau gabungan beberapa aktiviti) boleh membantu individu untuk menangani emosi negatif mereka.

Apabila mengawal emosi negatif, adalah penting untuk mencari kaedah yang berfungsi untuk diri anda sendiri. Pertimbangkan untuk melibatkan diri dalam hobi kegemaran, meluahkan perasaan kepada kawan atau orang tersayang yang anda percayai, mengamalkan meditasi atau hanya meluangkan masa yang tenang untuk berehat. Mencari aktiviti yang anda sukai dan aktiviti yang akan membantu anda menangani perasaan negatif merupakan cara yang sihat untuk menangani emosi.



Menggunakan aromaterapi untuk menangani emosi negatif

Di samping mengamalkan tabiat yang sihat untuk menangani emosi negatif, anda juga boleh mempertimbangkan untuk menggunakan minyak esensial dalam rutin tetap anda untuk mengawal emosi. Walaupun kaedah untuk menangani emosi negatif akan berbeza untuk setiap orang, terdapat pelbagai jenis minyak esensial untuk dipilih apabila mahu meningkatkan mood dan menggalakkan emosi positif. Oleh sebab setiap orang adalah unik, adalah sangat berguna untuk mempunyai set minyak yang sama unik, setiap satu dengan ciri kimia yang tersendiri, untuk membantu melegakan, menenangkan atau meningkatkan mood. Sebaik sahaja anda belajar tentang cara untuk menggunakan minyak esensial untuk mengawal mood anda, anda akan dapati bahawa minyak esensial boleh menjadi sebahagian daripada rutin anda untuk menangani emosi negatif dalam kehidupan seharian.

BAB

Penggunaan minyak esensial untuk faedah emosi

Digunakan sejak zaman dahulu kerana keupayaan mereka mempengaruhi emosi, minyak esensial masih berguna pada masa kini untuk mengawal mood dan meningkatkan semangat. Mereka yang tidak tahu akan sejarah minyak esensial dan aromaterapi mungkin menganggap bahawa penggunaan minyak esensial untuk emosi (dan tujuan lain) hanyalah sekadar trend baharu atau trend yang akan pudar. Walau bagaimanapun, populariti aromaterapi terus berkembang sejak zaman purba oleh sebab minyak esensial telah terbukti keberkesanannya untuk mengawal emosi. Selain daripada contoh-contoh sejarah berkaitan aromaterapi, kajian dan penemuan saintifik yang terkini juga membantu membuktikan kejayaan minyak esensial untuk menguruskan emosi.

Sejarah aromaterapi

Penggunaan awal

Walaupun tidak selalu dirujuk sebagai aromaterapi, penggunaan minyak esensial untuk faedah emosi bermula sejak zaman dahulu. Masyarakat tamadun purba sering menggunakan minyak esensial, tumbuhan, dan bahan daripada tumbuhan untuk perkara seperti memasak, mandi, menggalakkan kulit yang sihat, dan pelbagai amalan penjagaan kesihatan. Selain daripada penggunaan harian yang praktikal ini, minyak esensial juga sering digunakan untuk upacara pengebumian, ritual dan upacara keagamaan kerana kebanyakan budaya purba mengakui kuasa minyak esensial terhadap emosi.

Aromaterapi telah digunakan dalam tamadun purba seperti Yunani, Rom, China, dan India—biasanya dalam acara yang bermakna seperti upacara keagamaan dan ritual lain. Sebagai contoh, orang Babylon dan Assyria akan membakar kemenyan



(Frankincense) semasa upacara keagamaan kerana aromanya yang hangat dapat memupuk perasaan yang damai dan tenang. Semasa Rom purba, para askar akan menggunakan jintan hitam (Fennel) sebelum pergi berperang untuk membantu mereka berasa kuat dan berani.

Walaupun idea aromaterapi telah berkembang dan berubah sejak zaman purba, sangat jelas bahawa masyarakat purba mengakui kuasa minyak esensial untuk mempengaruhi emosi.

Aromaterapi pada abad ke-20

Walaupun amalan aromaterapi bermula sejak zaman purba, istilah “aromaterapi” telah dicipta secara rasmi hanya pada abad ke-20 dan para saintis mula menyokong idea menggunakan minyak esensial untuk faedah emosi. Walaupun ramai yang telah menikmati faedah aromaterapi selama ratusan tahun, namun hanya pada tahun 1990-an para saintis dapat membuktikan hubungan antara minyak esensial dan pengurusan emosi.

Pada awal tahun 1990-an, kajian yang banyak membantu ahli biologi untuk lebih memahami bagaimana otak bertindak balas terhadap aroma. Kajian ini membuktikan amalan masyarakat purba—di mana minyak esensial boleh digunakan untuk menghasilkan tindak balas dalam tubuh, terutamanya untuk memberi faedah dan mempengaruhi emosi. Walaupun emosi masih merupakan satu misteri, kita tahu bahawa terdapat hubungan antara bau dan emosi. Oleh sebab hubungan ini, kita juga tahu bahawa aromaterapi adalah alat yang berguna untuk mengawal emosi dan meningkatkan mood.



Mengapa menggunakan minyak esensial untuk mengawal mood?

Seperti yang dinyatakan, setiap orang mengalami emosi sedikit berbeza, dan oleh itu, kaedah untuk menguruskan emosi akan berbeza bagi setiap orang. Walaupun terdapat banyak pilihan yang tersedia untuk meningkatkan mood dan menangani emosi negatif, terdapat beberapa faedah dengan menggunakan aromaterapi dan minyak esensial untuk mengawal emosi.

Cara yang selamat dan semula jadi untuk mengawal mood

Bergantung pada individu dan emosi, terdapat pelbagai kaedah yang tidak terduga untuk mengubah atau mengawal mood. Walau bagaimanapun, kebanyakan kaedah tersebut tidak menggalakkan kesihatan emosi atau fizikal yang baik. Malangnya, sesetengah orang menggunakan kaedah yang meragukan atau mungkin berbahaya untuk menguruskan atau mengubah emosi mereka, yang kemudiannya boleh mendatangkan masalah yang lebih serius di kemudian hari.

Penggunaan minyak esensial memberi faedah pada pengurusan mood dengan membantu melegakan, menenangkan

dan meningkatkan emosi secara semula jadi. Minyak esensial berkualiti tinggi adalah tulen dan kuat, maka hanya sedikit minyak diperlukan untuk membantu pengguna memperoleh kesan yang dikehendaki. Walaupun minyak esensial sangat kuat, ia berasal dari sumber semula jadi, maka ia masih selamat untuk digunakan. Aromaterapi menyediakan cara yang selamat dan semula jadi untuk menguruskan emosi, menjadikannya pilihan yang terbaik berbanding taktik untuk mengawal mood yang lain di luar sana.

Minyak esensial memberi tindak balas yang cepat

Seperti yang dibincangkan, minyak esensial berkualiti tinggi adalah sangat kuat dan mujarab. Lazimnya, anda akan mula mengalami beberapa tindak balas dari saat anda membuka botol kerana anda akan dapat menghidu aroma minyak dari jarak jauh. Oleh sebab kekuasaannya dan kemujarabannya, anda hanya perlu menggunakan sedikit minyak untuk membantu mengurus mood anda. Walaupun beberapa kaedah lain untuk mengawal emosi boleh menjadi tidak berkesan, minyak esensial akan menghasilkan tindak balas yang semula jadi dan efektif. Dengan menggunakan aromaterapi untuk faedah emosi, anda boleh menggunakan kuasa minyak esensial untuk membantu anda menangani pelbagai emosi yang anda alami setiap hari dengan cepat dan berkesan.

Seperti yang dinyatakan, setiap orang mengalami emosi sedikit berbeza, dan oleh itu, kaedah untuk menguruskan emosi akan berbeza bagi setiap orang. Walaupun terdapat banyak pilihan yang tersedia untuk meningkatkan mood dan menangani emosi negatif, terdapat beberapa faedah dengan menggunakan aromaterapi dan minyak esensial untuk menguruskan emosi.

Minyak esensial merupakan satu kaedah mudah yang boleh digunakan bersama dengan taktik lain

Satu sebab aromaterapi menjadi kaedah terkenal untuk menguruskan mood sepanjang zaman adalah sifatnya yang mudah. Anda tidak perlu menjadi seorang profesional dalam aromaterapi atau seorang saintis untuk menikmati faedah emosi melalui minyak esensial. Sebaik sahaja anda belajar sedikit mengenai minyak esensial dan bagaimana ia berfungsi, anda boleh menggunakannya dengan mudah dalam kehidupan harian anda untuk membantu menguruskan mood anda. Selepas anda mempelajari kaedah yang betul untuk menggunakan minyak esensial dan memahami jenis minyak esensial yang mempunyai faedah menenangkan, menyegarkan, meningkatkan semangat, atau faedah lain, ia akan menjadi sangat mudah untuk menikmati faedah emosi melalui aromaterapi.

Bukan sahaja minyak esensial mudah digunakan, tetapi ia boleh digunakan bersama dengan kaedah pengurusan mood lain untuk membantu anda mengawal emosi. Minyak esensial sering digunakan bersama dengan kaedah seperti urutan atau meditasi, dan juga bersama dengan aktiviti-aktiviti seperti senaman, mandi, atau tidur. Hal ini memudahkan anda untuk menyesuaikan minyak esensial dan aromaterapi dengan pilihan peribadi anda—seterusnya membantu anda untuk mengatasi emosi negatif dalam rutin harian anda.



3 BAB

Sains aromaterapi dan faedah emosinya

Walaupun aromaterapi telah terbukti sebagai satu kaedah yang berkesan untuk mempengaruhi emosi sepanjang abad, hubungan antara otak dan aroma adalah lebih daripada satu amalan purba—kini ia boleh diterangkan secara saintifik hasil daripada pelbagai penyelidikan dan penemuan yang banyak. Sains aromaterapi membantu menjelaskan bagaimana aroma yang berbeza boleh menimbulkan perasaan tertentu. Dengan mempelajari latar belakang saintifik aromaterapi, kita dapat lebih memahami bagaimana minyak esensial digunakan untuk mengawal emosi dan mempengaruhi mood.

Bagaimanakah otak memproses aroma?

Setiap kali kita menghidu aroma yang berbeza (termasuk bau minyak esensial), aroma tersebut akan diproses melalui pelbagai bahagian otak dalam urutan yang khas. Selepas menghidu satu aroma, ia akan diproses di dalam sistem olfaktori otak, sistem yang bertanggungjawab untuk mengawal deria bau kita. Apabila aroma dihidu, ia bergerak ke sistem olfaktori melalui saraf olfaktori supaya ia dapat diproses. Sistem olfaktori disambungkan ke sistem limbik, sebahagian daripada otak di mana emosi dan memori kita disimpan. Sambungan kepada sistem limbik ini menghasilkan tindak balas terhadap aroma berdasarkan memori yang berkaitan dengan bau itu. Tindak balas yang dihasilkan oleh sistem limbik otak sering menimbulkan perasaan dengan segera—juga dikenali sebagai tindak balas emosi.



Aroma dihidu dan bergerak ke sistem olfaktori, sistem yang bertanggungjawab untuk mengawal deria bau kita. Sistem olfaktori bersambung dengan sistem limbik, di mana memori dan emosi kita disimpan. Kemudian, sistem limbik menghasilkan tindak balas.

Oleh sebab deria bau kita bersambung dekat dengan bahagian otak yang menyimpan memori dan emosi, maka mudah untuk melihat mengapa aroma tertentu menghasilkan emosi atau perasaan tertentu. Idea penggunaan aromaterapi untuk faedah emosi adalah di mana pengguna memilih minyak esensial tertentu

untuk mencetuskan perasaan dan emosi yang diinginkan, terutamanya bertujuan untuk menangani atau menghilangkan emosi negatif.



Memahami ciri kimia khas bagi setiap minyak esensial menjadikannya mudah untuk kita mensasarkan emosi dan menguruskan mood, kerana ia akan membenarkan kita menghasilkan tindak balas yang dikehendaki di dalam otak.

Tindak balas kimia

Seperti yang dinyatakan, aroma tertentu boleh menimbulkan emosi yang tertentu dengan mencetuskan memori kita dan menghasilkan tindak balas emosi. Walaupun semua orang mempunyai memori dan pengalaman hidup yang berbeza,

terdapat kemungkinan dengan menggunakan kekuatan minyak esensial untuk menghasilkan tindak balas yang tertentu. Setiap minyak esensial mempunyai ciri kimia unik yang memberikannya sifat dan faedah tertentu. Komposisi kimia minyak esensial akan menentukan sifat, faedah, dan jenis tindak balas emosi yang dapat dihasilkan. Oleh itu, terdapat kemungkinan untuk memilih minyak esensial berdasarkan ciri kimianya untuk tujuan menimbulkan tindak balas emosi yang tertentu.

Walaupun terdapat banyak unsur yang terlibat dalam komposisi kimia minyak esensial, kebanyakan kandungan kimia yang terkandung dalam minyak bergantung pada jenis tumbuhan. Kebanyakan minyak esensial datang daripada tumbuhan, buah-buahan, atau bahan-bahan tumbuhan lain, yang akan menentukan jenis bahan kimia yang terkandung dalam minyak sebaik sahaja ia dihasilkan. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut bagaimana sumber tumbuhan dan ciri kimia minyak esensial dapat menentukan faedahnya, lihat kategori tumbuhan di bawah.





PUDINA: Dengan kepekatan keton yang tinggi, minyak esensial pudina mempunyai ciri-ciri penting yang menyegarkan, mencergaskan dan meningkatkan semangat.



FLORA: Mengandungi sebahagian besar monoterpena alkohol dan esters, minyak esensial flora terkenal dengan sifat penyegaran dan menenangkan.



SITRUS: Menggunakan monoterpenes yang dikenali sebagai limonena dan beta-pinena, minyak esensial sitrus lazimnya mempunyai ciri meningkatkan semangat yang kuat.



POKOK, RUMPUT, HERBA: Kaya dengan esters, oksida, dan sesquiterpenes, minyak esensial yang diambil daripada pokok, herba, dan rumput memupuk perasaan menenangkan, memperbaharui dan kestabilan.



REMPAH: Phenols adalah bahan kimia utama dalam kebanyakan minyak esensial rempah menjadikan minyak ini sangat berfaedah dengan sifat yang hangat.

Sifat yang menenangkan dan meningkatkan semangat

Walaupun minyak esensial mempunyai ciri kimia tersendiri, setiap minyak esensial boleh dibahagikan kepada satu daripada dua kategori berdasarkan unsur kimianya—meningkatkan semangat atau menenangkan.

Hal ini menjadikan minyak esensial sangat berguna untuk mengawal emosi negatif. Apabila anda kurang motivasi, semangat, atau inspirasi, anda boleh menggunakan minyak esensial dengan ciri kimia yang meningkatkan semangat untuk membantu anda menjadi lebih bersemangat. Apabila anda berasa gelisah, tertekan, atau sedih, anda boleh menggunakan minyak yang menenangkan untuk membantu memupuk emosi yang tenang, stabil, atau diperbaharui.

Minyak yang menenangkan

Minyak esensial yang berada dalam kategori ini lazimnya mengandungi monoterpena alkohol, sesquiterpenes, esters, dan oksida. Berikut merupakan beberapa contoh minyak yang menenangkan, yang boleh digunakan untuk memupuk emosi yang tenang, stabil atau menyegarkan:

Clary Sage

Juniper Berry

Eucalyptus

Lavender

Frankincense

Roman Chamomile

Geranium

Ylang Ylang

Jasmine





Minyak yang meningkatkan semangat

Kandungan utamanya mengandungi keton, fenol, dan monoterpena seperti beta-pinena dan limonena, minyak esensial yang meningkatkan semangat boleh digunakan untuk memupuk emosi yang bertenaga, segar, hangat atau meningkatkan. Berikut merupakan contoh-contoh minyak esensial dalam kategori ini:

Cypress

Douglas Fir

Grapefruit

Lemon

Lime

Peppermint

White Fir

Wild Orange

Mencipta pengalaman peribadi

Keindahan aromaterapi adalah dengan membenarkan pengguna untuk menggunakan minyak tertentu dalam menghasilkan tindak balas emosi yang tertentu dan mengawal mood mereka. Walau bagaimanapun, tiada dua orang adalah serupa dan kerana bau diproses dalam sistem limbik di mana memori dan emosi kita disimpan, terdapat kemungkinan untuk dua orang memberi tindak balas yang berbeza terhadap aroma minyak yang sama. Walaupun minyak esensial yang dipilih dapat menimbulkan tindak balas tertentu, adalah penting dan harus diingatkan bahawa tindak balas kita terhadap sesuatu aroma bergantung pada pengalaman, keutamaan, persekitaran, dan juga genetik kita.

Mungkin sebab itu mengapa aromaterapi telah lama menjadi amalan—pengguna dapat menghasilkan pengalaman aromatik tersendiri berdasarkan pengalaman dan keutamaan mereka yang unik. Tiada dua orang akan mempunyai tindak balas yang sama terhadap satu jenis minyak, justeru menjadikan aromaterapi sebagai kaedah peribadi untuk menangani emosi. Pengalaman peribadi anda, emosi, dan keutamaan akan menentukan bagaimana minyak esensial memberi faedah kepada anda, maka menjadi mudah untuk anda menyesuaikan pengalaman aromaterapi dengan keperluan khusus anda. Tidak kira sama ada individu ataupun minyak, satu perkara yang pasti—minyak esensial boleh digunakan untuk menghasilkan tindak balas dalaman yang kuat untuk membantu memupuk kesejahteraan.

BAB

Bagaimanakah saya menggunakan minyak esensial untuk mengawal emosi saya?

Kini setelah anda mempunyai kefahaman yang lebih baik mengenai prinsip saintifik yang menjadikan minyak esensial berguna untuk mempengaruhi emosi, anda mungkin tertanya-tanya, “Bagaimanakah saya menggunakan minyak esensial apabila saya mahu mengawal mood saya?” Kunci utama untuk berjaya mengawal mood melalui aromaterapi adalah dengan memahami faedah yang ditawarkan oleh setiap minyak. Seperti yang dibincangkan, setiap minyak esensial mempunyai ciri kimia unik yang menentukan sifat dan faedahnya. Setelah anda mempelajari setiap minyak, ciri kimia, dan faedahnya terhadap emosi, anda akan lebih bersedia untuk memilih minyak yang betul (atau gabungan beberapa minyak) untuk menghasilkan tindak balas emosi yang anda inginkan.

Aplikasi secara aromatik

Walaupun terdapat banyak cara untuk menggunakan minyak esensial, aromaterapi lazimnya memerlukan pengguna untuk menghidu aroma melalui mana-mana kaedah. Ya, minyak esensial lazimnya digunakan secara aromatik, topikal, atau secara dalaman, tetapi harus diingatkan bahawa aplikasi secara aromatik adalah yang terbaik untuk mengawal mood. Menggunakan minyak esensial “secara aromatik” bermaksud bahawa pengguna akan menghidu aroma melalui udara. Terdapat banyak cara untuk menggunakan minyak secara aromatik untuk aromaterapi, sama ada anda menghidu minyak terus daripada botol, menggosok minyak antara tangan dan menghidu pada telapak tangan anda, ataupun menyebarkan minyak menggunakan penyebar minyak esensial dan menghidu melalui udara.




Aplikasi secara topikal


Harus diingatkan bahawa penggunaan minyak esensial secara topikal adalah satu lagi kaedah penggunaan yang berkesan untuk aromaterapi kerana ia membolehkan pengguna untuk menghidu aroma semasa penggunaan, dan kerana bau akan kekal pada kulit untuk jangka masa yang tertentu. Sebelum menyapu minyak esensial pada kulit, pastikan minyak tersebut telah diluluskan untuk kegunaan topikal. Jika minyak tersebut mempunyai ciri kimia yang terlalu kuat, atau jika anda mempunyai kulit sensitif, pastikan anda mencairkannya dengan minyak pembawa sebelum menggunakannya secara topikal. Minyak esensial yang berikut selalunya perlu dicairkan sebelum penggunaan topikal: Cassia, Cinnamon, Clove, Cumin, Oregano, dan Thyme.

Oleh sebab terdapat beberapa cara untuk menikmati faedah minyak esensial yang meningkatkan mood, kita akan bincangkan lebih banyak cara aplikasi untuk aromaterapi pada akhir bab ini.

Roda sifat minyak esensial

Walaupun selepas mempelajari mengenai minyak esensial dan faedahnya, ia boleh menjadi sukar untuk mengingat ciri kimia tertentu dan faedah emosi bagi setiap minyak. Gunakan roda sifat minyak esensial di bawah apabila anda ingin mencari minyak dengan faedah emosi yang tertentu.





Roda ini menyenaraikan setiap minyak esensial, unsur kimia utama, dan sifat utama atau faedah minyak. Apabila anda sudah bersedia untuk menggunakan minyak esensial bagi mengawal mood, terdapat beberapa langkah mudah yang akan membantu anda untuk mencapai hasil yang diinginkan.

1. Tentukan jenis emosi yang anda inginkan.
2. Cari minyak esensial dengan ciri yang sesuai untuk menghasilkan tindak balas emosi yang anda inginkan (menenangkan, meningkatkan semangat, menyegarkan, dan lain-lain.)
3. Tentukan kaedah penggunaan yang terbaik untuk membantu anda mengalami faedah emosi minyak (penyebaran, aplikasi topikal, urutan, dan lain-lain.)
4. Pertimbangkan untuk menggabungkan beberapa minyak esensial bersama-sama untuk mengalami pelbagai faedah emosi.
5. Gunakan minyak esensial mengikut kaedah pilihan anda, dan nikmati tindak balas segera yang akan berlaku.

Minyak esensial yang terbaik untuk mengawal emosi

Ketahui lebih lanjut mengenai faedah emosi minyak esensial tertentu dengan membaca penerangan di bawah. Harus diingatkan, sesetengah minyak esensial perlu dicairkan sebelum penggunaan topikal, termasuk Cassia, Cinnamon, Clove, Cumin, Oregano, dan Thyme.

Arborvitae: Aroma stabil minyak Arborvitae dapat memupuk perasaan damai dan tenang.

Basil: Sebarkan minyak Basil untuk mengurangkan perasaan cemas yang muncul sekali-sekala.

Bergamot: Bersifat menenangkan dan meningkatkan semangat, Bergamot boleh digunakan untuk mengurangkan perasaan negatif dan tekanan.

Cardamom: Aroma minyak Cardamom yang bersih dan menyegarkan dapat membantu memupuk mood yang positif.

Cedarwood: Guna minyak Cedarwood secara aromatik untuk membantu menenangkan minda dan badan.

Clary Sage: Clary Sage menghasilkan persekitaran yang tenang sambil mengurangkan perasaan cemas dan tekanan.

Clove: Ramai orang menggunakan minyak Clove untuk sifat yang merangsang dan menyegarkan.

Coriander: Minyak Coriander boleh digunakan untuk memupuk perasaan tenang dan damai.

Cypress: Aroma segar minyak Cypress dapat meningkatkan tenaga dan mengurangkan perasaan cemas.

Douglas Fir: Guna minyak Douglas Fir untuk memupuk mood positif dan meningkatkan tumpuan.

Eucalyptus: Eucalyptus biasa digunakan untuk mengurangkan ketegangan dan memupuk ketenangan.

Frankincense: Guna minyak Frankincense untuk menimbulkan perasaan tenang, aman, dan kesejahteraan menyeluruh.

Geranium: Hidu minyak Geranium untuk menghasilkan perasaan yang tenang dan stabil.

Grapefruit: Aroma minyak Grapefruit adalah ringan dan meningkatkan semangat pengguna.

Jasmine: Guna minyak Jasmine untuk menimbulkan perasaan damai, ceria, dan keyakinan diri.

Juniper Berry: Apabila digunakan secara aromatik, ia boleh memupuk perasaan positif dan mengurangkan tekanan.

Lavender: Orang biasanya menggunakan minyak Lavender untuk sifat yang tenang dan damai.

Lemon: Guna minyak Lemon secara aromatik untuk memupuk mood positif.

Lime: Komposisi kimia minyak Lime menjadikannya berguna untuk memupuk keseimbangan emosi dan kesejahteraan.

Marjoram: Selama berabad-abad, minyak Marjoram digunakan untuk sifat yang menenangkan.

Melissa: Guna minyak Melissa untuk membantu menenangkan ketegangan dan cemas.

Myrrh: Minyak Myrrh dapat meningkatkan kesedaran rohani dan memupuk mood kreatif, inspirasi, dan bertenaga.

Patchouli: Penggunaan aromatik minyak Patchouli dapat membantu memberi emosi yang stabil dan seimbang.

Peppermint: Guna minyak Peppermint untuk rangsangan tenaga yang menyegarkan.

Petitgrain: Aroma minyak Petitgrain membantu mengurangkan tekanan dan memupuk perasaan tenang.

Roman Chamomile: Guna minyak Roman Chamomile untuk memupuk perasaan tenang dan damai.

Rose: Haruman minyak Rose dapat meningkatkan emosi.

Sandalwood: Minyak Sandalwood dapat meningkatkan mood.

Spearmint: Aroma segar minyak Spearmint dapat meningkatkan mood serta meningkatkan tumpuan.

Spikenard: Sering digunakan dalam aromaterapi, minyak Spikenard terkenal dengan sifatnya yang stabil.

Tangerine: Sapu minyak Tangerine secara topikal untuk membantu memupuk perasaan bahagia.

Vetiver: Minyak Vetiver memberi kesan yang stabil dan menenangkan pada emosi.

Wild Orange: Dengan aroma yang segar, minyak Wild Orange boleh memberi tenaga pada hari-hari yang penuh tekanan.


Ylang Ylang: Sapu minyak Ylang Ylang secara topikal untuk kesan yang tenang dan menaikkan semangat.

Cara-cara untuk menggunakan minyak esensial untuk meningkatkan mood

Sebaik sahaja anda memilih minyak esensial yang akan membantu anda mengawal mood, terdapat pelbagai cara untuk menggunakan minyak supaya berjaya mengawal mood. Cuba beberapa kaedah aplikasi di bawah untuk meningkatkan mood anda dengan kuasa minyak esensial.



Letak beberapa titik minyak pilihan anda ke dalam penyebar minyak esensial dan sebarkan ke bilik di mana anda mahu meningkatkan perasaan tenang, tenaga atau positif (bilik tidur, pejabat, tempat belajar, dan lain-lain.).



Sapu minyak esensial pada pelipis, bahu, dan leher untuk mengalami faedah yang meningkatkan mood apabila anda menghidu aroma.



Guna botol semburan untuk menyembur minyak esensial pada pakaian anda dan nikmati aroma sepanjang hari.



Tambah beberapa titik minyak esensial yang relaks, stabil atau tenang ke dalam mandian air suam.



Letak satu hingga dua titik minyak pada tangan anda, gosok telapak tangan, takupkan tangan pada hidung anda, dan tarik nafas sedalamnya untuk mengalami faedah emosi minyak.



Letak beberapa titik minyak esensial ke lantai semasa anda mandi (jauh daripada laluan air), dan hidu sedalamnya.



Sebarkan minyak esensial pilihan anda semasa meditasi pagi atau amalan yoga anda.



Sapu minyak esensial secara topikal sebelum aktiviti fizikal untuk meningkatkan perasaan dan memberi tenaga.



Guna minyak esensial yang tenang, damai, dan stabil semasa urutan untuk memupuk ketenangan dan meningkatkan emosi.



Sembur minyak esensial yang menenangkan pada bantal dan tempat tidur anda untuk membantu memupuk fikiran yang tenang semasa anda tidur.



Gosok minyak esensial yang meningkatkan semangat pada tapak kaki, pada waktu pagi untuk memupuk perasaan segar dan bertenaga, atau sapu minyak esensial yang menenangkan pada tapak kaki sebelum tidur untuk memupuk ketenangan dan kedamaian.

Seperti yang anda dapat lihat, aromaterapi adalah kaedah yang mudah dan berkesan untuk mengawal emosi dan meningkatkan mood. Anda tidak perlu menjadi saintis atau pakar minyak esensial untuk mendapatkan faedah emosi daripada minyak esensial. Anda hanya perlu mendidik diri anda mengenai pelbagai sifat berbeza bagi setiap minyak, dan gunakan minyak esensial yang kuat dan mujarab untuk mencipta pengalaman peribadi yang dapat membantu anda menakluki, menghadapi, dan menenangkan pelbagai emosi yang anda alami setiap hari.